

Esa, Ahmad (2000). Prosiding Konferensi Kebangsaan Kajian Pasca Siswazah (GREduc). Serdang: UPM_PP11-18. ISBN 983-2373-22-0

**TEACHER FEATURES AS LEADER OF STUDENT'S VIEWPOINT:
A CASE STUDY IN SECONDARY SCHOOL
NATIONAL PASIR GUDANG (1),
JOHOR BAHRU, JOHORE.**

Ahmad bin Esa
Technology Institute of Tun Hussien Onn

Abstract

One of element in education management was education leadership. Teacher was the leader and simultaneous with theme for teacher ' day, 'United Rank Highly Teaching Profession,' then thought are suitable features should have and be made life culture by teacher bring to for raise teacher dignity follow requirement / client view / student. Based on rational that, then proposed some study findings were implemented in masters level. Study that was carried out aimed to identify dominant characteristics should be practised by teachers as leader of student's viewpoint. At the same time, study stabilized by looking whether there is different student's view difference sex, age and levels of achievement on those characteristics stated. This study is being conducted in Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 1 which involves a sum 230 students as sample. Survey results are hoped able to give guideline to teachers of realistic nature owned to be recognized as leader, especially among followers (student). Instrument applies in study was questionnaire and data achieved analyzed using SPSS FOR WINDOWS's programme. Descriptive analysis has been used to see dominant nature, while 'one way anova' used to see student's view difference. Retrieval research showed acknowledged student many those characteristics proposed need to be practiced by teachers to look at as leader. Also found in many feature which need practiced by teachers as leader, there were no difference of view in different students sex, age and levels of achievement.

Keywords: Teacher, Leader, Secondary School

**CIRI-CIRI GURU SEBAGAI PEMIMPIN DARIPADA SUDUT PANDANGAN
PELAJAR: SATU KAJIAN KES DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
PASIR GUDANG (1).**

AHMAD BIN ESA

INSTITUT TEKNOLOGI TUN HUSSIEN ONN

PENGENALAN

Fitrah kejadian manusia di muka bumi ini ialah sebagai khalifah. Antara peranan manusia sebagai khalifah ialah melaksanakan undang-undang dan peraturan yang telah ditentukan oleh Allah. Oleh itu, manusia bertanggungjawab memimpin dan mendidik manusia lain dalam menjalani kehidupan di dunia mengikut prosedur yang hak. Dalam konteks Islam, beberapa bukti dapat dipetik daripada Al-Quran yang merujuk manusia sebagai pemimpin. Antaranya seperti dalam ayat 55 surah An-Nur dalam Mahmud Yunus (1973), "Allah telah menjanjikan bagi orang-orang yang beriman di antaramu, dan mengerjakan yang baik-baik bahawa Allah akan mengangkat mereka jadi khalifah di muka bumi."

Guru atau pendidik adalah manusia yang melaksanakan pekerjaan yang mulia. Oleh itu guru ialah pemimpin seperti yang ditegaskan dalam ayat 55 surah An-Nur. Di samping itu, Bass (1960) dalam Aminuddin Mohd. Yusuf (1990) menerangkan konsep kepimpinan, "Apabila matlamat seseorang anggota A, ialah untuk mengubah anggota lain, B, atau bila perubahan tingkah laku B memberi ganjaran kepada A atau memperteguh tingkah laku A, usaha A untuk mencapai matlamat itu adalah kepimpinan." Keterangan tersebut mempunyai perkaitan dengan peranan guru sebagai agen perubahan terutamanya dalam mengubah tingkah laku pelajar dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

PERNYATAAN MASALAH

Syed Lufti syed Hamzah (1987) menyatakan sebagai seorang guru, sewajarnya menanam ciri-ciri kepimpinan yang terunggul dalam segala bidang yang diceburinya untuk menjadi dorongan kepada pelajarannya. Pesolannya, apakah ciri-ciri tersebut? Dalam menjawab soalan ini, ramai penulis bidang kepimpinan telah menyenaraikan ciri-ciri yang perlu ada atau dipraktikkan oleh guru untuk diiktiraf sebagai pemimpin. Antaranya, Ainon Haji Hassan (1985)), Noran Fauziah Yaakub (1993), Wan Mohd.

Zahid Wan Mohd. Noordin (1993) dan Hamdan Sheikh Tahir (1979). Namun begitu, sejauh mana ciri-ciri yang dinyatakan tersebut diiktiraf oleh pelajar (pengikut)?

Selain daripada itu, Robiah Sidin (1994) menyatakan pelajar mempunyai jangkaan berkenaan ciri-ciri guru sebagai pemimpin. Antaranya, berpengetahuan tinggi, berkemahiran, profesional, bermoral, berperikemanusiaan, bertanggungjawab, bersungguh-sungguh, berpandangan jauh, berani, mahu berubah, inovasi dan mengikut peredaran masa serta memahami tuntutan perkembangan teknologi dan sains. Untuk mendapat gambaran kebenaran jangkaan tersebut satu kajian untuk melihat pandangan daripada para pelajar sendiri wajar dilaksanakan.

Selanjutnya, sekiranya fenomena guru gagal memainkan peranan sebagai pemimpin dalam konteks pendidikan berkesan, tentu sahaja akan memberi cerminan negatif kepada martabat pendidik dan iktisas. Ini adalah kerana guru yang gagal memainkan peranan pemimpin akan gagal dalam proses pemindahan ilmu kepada pelajar dan merencatkan kesepaduan dan keseimbangan pelajar dalam konteks jasmani, emosi, rohani dan intelek. Oleh itu, satu panduan berkenaan ciri-ciri guru sebagai pemimpin wajar diusahakan agar dapat menepati konsep 'Kepimpinan Melalui Teladan' dan menepati tema Hari Guru Alaf Baru, 'Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan.'

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian dijalankan adalah seperti berikut:-

- i. Mengenal pasti ciri-ciri dominan yang perlu diamalkan oleh guru sebagai pemimpin daripada sudut pandangan pelajar.
- ii. Melihat sama ada terdapat perbezaan pandangan antara pelajar lelaki dan perempuan mengenai ciri-ciri guru sebagai pemimpin.

- iii. Menentukan sama ada terdapat perbezaan pandangan pelajar mengikut umur terhadap ciri-ciri guru sebagai pemimipin.
- iv. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan pandangan pelajar yang berlainan tapap pencapaian mengenai ciri-ciri guru sebagai pemimpin.

SKOP KAJIAN

Skop kajian yang dijalankan adalah seperti berikut:-

- i. Hanya melibatkan pelajar-pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang 1(SMKPG 1).
- ii. Dalam menganalisis perbezaan pandangan hanya pembolehubah jantina, umur dan tahap pencapaian yang yang dilihat.
- iii. Ciri-ciri guru sebagai pemimpin ditumpukan kepada enam domain sahaja, iaitu fizikal, mental, emosi, sosial dan tugas (merujuk kepada aspek kemahiran guru).

SOROTAN KAJIAN

Terdapat banyak tulisan yang memberikan senario berkenaan ciri-ciri yang perlu ada pada guru untuk dilihat sebagai pemimpin. Antaranya, Azmi Zakaria (1995), menyatakan untuk menjadi pemimpin yang cemerlang guru perlu mempunyai ciri peribadi, contohnya mengamalkan perkara yang diucapkan dan digabungkan dengan kemahiran teknikal, konseptual dan pengadilan. Noran Fauziah Yaakub (1993) pula menekankan perlunya kestabilan emosi, peramah, ketekunan, komitmen, dedikasi, gigih, persediaan rapi dan sanggup bekerja lebih masa. Kebanyakan ciri-ciri yang dinyatakan oleh Noran Fauziah Yaakub mempunyai persamaan dengan Syed Lufti Syed Hamzah dalam Yaakub Isa (1994) yang menyenaraikan ciri-ciri yang perlu

ada dalam diri seorang pendidik untuk memimpin ialah dedikasi, berilmu pengetahuan, bertolak ansur, kreatif, imaginatif, inovatif, emosi stabil, yakin kepada diri sendiri, cekal dan mempunyai harga diri, mudah bergaul, bekerjasama dan berjenaka. Selain daripada itu, beliau menekankan ciri-ciri fizikal yang perlu ada pada seorang guru untuk menjadi pemimpin iaitu sihat tubuh badan dan cergas. Daripada segi mental, seorang guru perlu mempunyai kecergasan otak yang tinggi berbanding dengan pelajar.

Atan long (1980), menyatakan dalam menggalakkan hubungan interpersonal seseorang guru perlu mencipta situasi kerjanya melalui amalan empati, hubungan rapat dan peribadi dengan pelajarnya. Hussien Mahmood (1991), menegaskan ciri guru sebagai pemimpin berkesan ialah mengutamakan pencapaian prestasi pelajar, menetapkan strategi pengajaran berkesan, wujudkan suasana pengajaran teratur, sentiasa menilai kemajuan pelajar dan memberi sokongan kepada pelajar dan rakan sejawat.

Ciri-ciri guru sebagai pemimpin juga boleh diperolehi dalam penulisan Ee Ah Meng (1989), Harun Hassan (1995), Wan Rahimah Wan Abd. Kadir (1995) dan Peter Burwash (1996). Daripada pandangan-pandangan penulis tersebutlah, penyelidik membuat rumusan ciri-ciri kepimpinan guru kepada enam domain iaitu fizikal, mental, emosi, sosial, tugas dan tingkah laku.

METODOLOGI

Seramai 230 pelajar (berdasarkan jadual saiz sampel dengan aras keyakinan 95%) telah dipilih sebagai sampel daripada 540 pelajar tingkatan empat dan lima SMKPG 1. Pemilihan sampel adalah menggunakan persampelan rawak berlapis atau penstrataan sampel. Tujuan menggunakan kaedah tersebut ialah untuk memastikan setiap ciri populasi diwakili seperti yang ditegaskan oleh Babbie (1973), persampelan

rawak berlapis lebih anjal kerana pengkaji lebih bebas memilih sampel berdasarkan pengetahuan terhadap populasi, unsur-unsur dalam populasi dan tujuan kajian dijalankan. Hasil pengiraan yang menunjukkan jumlah sampel bagi setiap strata dipaparkan menerusi Jadual 1.

Instrument dalam kajian ini ialah soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama berkaitan dengan latar belakang responden dan bahagian kedua mempunyai 34 pernyataan yang menggambarkan ciri-ciri guru sebagai pemimpin yang dibahagikan kepada enam domain iaitu fizikal, mental, sosial, emosi, tugas dan tingkah laku. Skala Likert (1-5) digunakan sebagai petunjuk kepada pandangan yang dikemukakan oleh responden terhadap setiap item. Data-data telah dianalisis menggunakan program 'Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 6.0.' Statistik deskriptif digunakan untuk mengenal pasti ciri-ciri yang perlu ada pada guru untuk diiktiraf sebagai pemimpin manakala 'One-Way Anova' digunakan untuk mengenal pasti perbezaan pandangan pelajar daripada segi jantina, umur dan tahap pencapaian terhadap setiap domain yang dinyatakan. Tafsiran statistik deskriptif (min) sekiranya 5 sangat setuju dan 1 bagi sangat tidak setuju. Bagi analisis statistik 'One-Way Anova,' aras signifikan untuk menentukan sama ada tidak terdapat perbezaan yang signifikan atau terdapat perbezaan yang signifikan ialah 0.05 (5%).

ANALISIS DATA

Daripada jadual 2, didapati pelajar berpandangan untuk menjadi pemimpin seorang guru daripada segi domain fizikal perlu mempunyai suara yang jelas, tubuh badan yang sihat, cergas dan tahan lasak. Pelajar berpendapat ciri ketinggian, lebih berumur, mempunyai rupa yang menarik dan bentuk badan yang tegap bukanlah ciri dominan yang perlu dimiliki untuk guru diiktiraf sebagai pemimpin. Daripada segi

domain mental, pelajar berpendapat seseorang guru yang ingin dilihat sebagai pemimpin, sewajarnya mempunyai mental yang positif. Daripada jadual didapati bahawa bijaksana merupakan ciri mental paling dominan manakala kebolehan mengkritik merupakan ciri yang kurang dominan. Pelajar memberi persetujuan sangat setuju kepada ciri pandai bergaul dan mudah mesra. Ini bermakna dalam konteks domain sosial seorang guru akan dilihat sebagai pemimpin sekiranya mempunyai hubungan yang baik dengan pelajar. Ciri yang paling dominan dalam emosi ialah ketahanan terhadap tekanan. Ini membawa gambaran guru sebagai pemimpin perlu mempunyai daya tahan emosi yang cukup matang untuk menghadapi segala cabaran dalam dunia pendidikan. Menyusuri domain tugas, pelajar memberikan pandangan sangat bersetuju bahawa dedikasi dan bertanggungjawab merupakan ciri kepimpinan yang perlu ada pada guru ketika melaksanakan tugas. Ciri yang paling dominan dalam domain kemahiran untuk guru diiktiraf sebagai pemimpin hasil reaksi pelajar ialah seorang guru berani mencuba kaedah dan teknik yang baru serta mempelbagaikan kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran. Daripada jadual juga didapati bahawa domain yang paling dominan untuk seorang guru dilihat sebagai pemimpin oleh pelajar ialah tugas (min 4.50), diikuti dengan sosial (4.41), kemahiran (4.32), , emosi(4.29) dan mental (4.25). Domain yang kurang dominan ialah domain fizikal.dengan min 3.61.

Jadual 3 menunjukkan tidak terdapat perbezaan pandangan pelajar lelaki dan perempuan yang signifikan dengan domain mental, sosial, emosi, tugas dan kemahiran guru sebagai pemimpin. Ini adalah kerana F kebarangkalian adalah lebih besar daripada aras signifikan 0.05. Namun begitu, bagi domain fizikal F kebarangkaliannya lebih rendah daripada 0.05 dan ini menunjukkan terdapat perbezaan pandangan antara pelajar lelaki dan perempuan. Daripada perbandingan

min lelaki dan perempuan yang dibuat didapati min pelajar lelaki (3.72) lebih tinggi berbanding dengan min pelajar perempuan (3.52).

Menerusi jadual 4, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan pandangan pelajar berumur 16 tahun dan 17 tahun terhadap domain mental, sosial, emosi, tugas dan kemahiran. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan diantara pelajar berumur 16 tahun dan 17 tahun terhadap domain fizikal (F kebarangkalian lebih rendah daripada aras signifikan 0.05). Didapati min pelajar berusia 16 tahun (3.69) adalah lebih tinggi berbanding min pelajar berumur 17 tahun (3.53).

Daripada jadual 5, dapat dilihat bahawa terdapat perbezaan pandangan yang signifikan antara pelajar pencapaian tinggi, sederhana dan rendah terhadap domain mental, emosi dan tugas guru sebagai pemimpin. Untuk melihat min yang mana berbeza ujian 'Least-Significant Differences' telah dijalankan (jadual 6). Daripada ujian tersebut didapati ketiga-tiga sub kumpulan mempunyai perbezaan yang signifikan. Walau bagaimanapun perbezaan tersebut lebih merupakan kepada kecenderungan dalam darjah persetujuan dan bukannya antara setuju dengan tidak setuju. Ini dibuktikan dengan perolehan min, misalnya dalam domain tugas didapati pelajar pencapaian tinggi dan sederhana sangat bersetuju domain tersebut sebagai ciri guru sebagai pemimpin berbanding pelajar rendah yang hanya bersetuju.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian didapati domain tugas merupakan ciri paling dominan untuk seorang guru dilihat sebagai pemimpin. Dapatan ini menyokong pandangan yang dikemukakan oleh Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin (1993) yang menyentuh kepimpinan guru dalam konteks tugas iaitu, " Kita mesti berperanan sebagai pemimpin pendidikan, pemimpin pengajaran, pemimpin pembelajaran di segenap peringkat bilik

darjah, sekolah, daerah, jabatan dan kementerian." Dapatan kajian juga menunjukkan keseluruhannya tidak terdapat perbezaan pandangan antara jantina, umur dan tahap pencapaian terhadap setiap domain kepimpinan guru yang dinyatakan, kecuali bagi domain fizikal yang terdapat perbezaan pandangan signifikan di kalangan pelajar mengikut jantina dan umur . Oleh itu, bolehlah dirumuskan domain fizikal bukanlah faktor yang dominan dalam penentuan kepimpinan guru.

CADANGAN

- i. Guru perlu mestilah sentiasa berusaha memperbaiki kemahiran teknikal, konseptual, interpersonal dan melaksanakan tugas dengan sempurna.
- ii. Pihak-pihak bertanggungjawab perlu menyediakan latihan-latihan dan kursus-kursus kepimpinan kepada guru-guru.
- iii. Universiti dan maktab perguruan memperkenalkan kurikulum kepimpinan.
- iv. Memperkasa bahan bacaan dan promosi kepimpinan di kalangan guru-guru.

PENUTUP

Dalam proses menjana tugas yang rencam dan penuh variasi, seorang guru semestinya mempamerkan ciri sebagai pemimpin dalam konteks memenuhi tuntutan klien (pelajar) demi mengangkat martabat diri dan profesion.

JADUAL

Jadual 1: Bilangan Pelajar Mengikut Tahap Pencapaian, Umur Dan Jantina.

Tahap Pencapaian Umur/Jantina	Tinggi	Sederhana	Rendah	Jumlah
Lelaki 17	13	16	24	53
Lelaki 16	13	16	25	54
Perempuan 17	15	18	28	61
Perempuan 16	16	19	28	62
JUMLAH	56	69	105	230

Jadual 2: Analisis Deskriptif Ciri-Ciri Guru Sebagai Pemimpin Mengikut Pandangan Pelajar.

CIRI-CIRI	MIN
DOMAIN FIZIKAL	
1. Ketinggian	2.67*
2. Suara yang jelas	4.47
3. Berumur	3.33*
4. Rupa yang menarik	2.49*
5. Tubuh badan yang sihat	4.16
6. Badan yang tegap	3.38*
7. Cergas	4.42
8. Tahan lasak	3.95
KESELURUHAN MIN FIZIKAL	3.61*
DAMAIN MENTAL	
9. Kecerdasan tinggi	4.44
10. Bijaksana	4.56
11. Kebolehan berfikir	4.54
12. Kebolehan mengkritik	3.58
13. Semangat ingin tahu	4.14
KESELURUHAN MIN MENTAL	4.25
DOMAIN SOSIAL	
14. Pandai bergaul	4.63
15. Suka menolong	4.21
16. Bersopan-santun	4.27
17. Mudah mesra	4.52
KESELURUHAN MIN SOSIAL	4.41
DOMAIN EMOSI	
18. Kestabilan emosi	4.19
19. Tahan tekanan	4.51
20. Boleh mengawal emosi	4.27
21. Mengawal emosi orang lain	3.95
22. Memotivasi diri	4.32
KESELURUHAN MIN EMOSI	4.29
DOMAIN TUGAS	
23. Berdedikasi	4.51
24. Bertanggungjawab	4.71
25. Berdaya usaha	4.40
26. Yakin	4.42
27. Keazaman tinggi	4.46
KESELURUHAN MIN TUGAS	4.50
DOMAIN KEMAHIRAN	
28. Mengajar	4.39
29. Mempengaruhi	3.86
30. Utama prestasi pelajar	4.33
31. Membuat penilaian	4.37
32. Mempelbagai kaedah	4.51
33. Memberi motivasi	4.30
34. Mencuba kaedah baru	4.51
KESELURUHAN MIN KEMAHIRAN	4.32

Jadual 3: Analisis 'One Way Anova' Antara Jantina Pelajar Dengan Domain Guru Sebagai Pemimpin.

DOMAIN	F KEBERANGKALIAN
1. Fizikal	0.00*
2. Mental	0.83
3. Sosial	0.16
4. Emosi	0.43
5. Tugas	0.83
6. Kemahiran	0.76

Jadual 4: Analisis 'One Way Anova' Antara Umur Pelajar Dengan Domain Guru Sebagai Pemimpin.

DOMAIN	F KEBERANGKALIAN
1. Fizikal	0.00*
2. Mental	0.43
3. Sosial	0.35
4. Emosi	0.28
5. Tugas	0.95
6. Kemahiran	0.47

Jadual 5: Analisis 'One Way Anova' Antara Tahap Pencapaian Pelajar Dengan Domain Guru Sebagai Pemimpin.

DOMAIN	F KEBERANGKALIAN
1. Fizikal	0.36
2. Mental	0.01*
3. Sosial	0.11
4. Emosi	0.00*
5. Tugas	0.01*
6. Kemahiran	0.06

Jadual 6: Ujian LSD Terhadap Pencapaian Pelajar Dengan Domain Guru Sebagai Pemimpin Yang Menunjukkan Perbezaan Hasil Analisis 'One Way Anova.'

DOMAIN	TAHAP PENCAPAIAN	MIN	HASIL UJIAN LSD
Mental	Rendah	4.16	Terdapat perbezaan yang signifikan di antara ketiga-tiga tahap pencapaian.
	Sederhana	4.30	
	Tinggi	4.37	
Emosi	Rendah	4.14	Terdapat perbezaan yang signifikan di antara ketiga-tiga tahap pencapaian.
	Sederhana	4.38	
	Tinggi	4.43	
Tugas	Rendah	4.40	Terdapat perbezaan yang signifikan di antara ketiga-tiga tahap pencapaian.
	Sederhana	4.56	
	Tinggi	4.60	

RUJUKAN

- Ainon Hj. Hassan (1995). *Kesedian Guru Pelatih Menggunakan Teknologi Dalam Pendidikan: Satu Kajian Kes Di Sebuah Maktab Peguruan*. Tesis Sarjana Pengurusan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Aminuddin Mohd. Yusof (1990). *Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Atan Long (1984). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azmi Zakaria, Dr., Wan Fatimah Mohamad, Dr., dan Quek Bong Cheang, Dr. (1995)

- "Indikator Kepimpinan Cemerlang: Satu Analisis Pengurusan." *Jurnal Pengurusan Pendidikan*. 05(01); 14-30.
- Babbie, E.R (1973). *Survey Research Method*. California: Wassworth Publishing Co.
- Ee Ah Meng (1989). *Pendidikan Di Malaysia Untuk Guru Pelatih*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Hamdan Sheikh Tahir (1979). *Pendidikan Hari Ini Untuk Hari Esok*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Harun Hassan, Haji (1995). "Pemikiran Kepimpinan Korporat Dalam Pentadbiran Pendidikan." *Jurnal Pengurusan Pendidikan*. 05(01); 31-43.
- Hussin Mahmood (1993). *Kepimpinan Dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mahmud Yunus (1973). *Tafsir Quran Karim*. Djakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Mohd. Salleh Abu, Prof. Madya, Dr. (1996). *Pengenalan Kepada SPSS For Windows Release 6.0*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Noran Fauziah Yaakub dan Ahmad Mahdzan Ayob (1993). *Guru Dan Perguruan. Edesi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Peter Burwash (1996). *The Key To Great Leadership*. Kuala Lumpur: Syarikat First Agency.
- Robiah Sidin (1994). *Pendidikan Di Malaysia: Cabaran Untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Syed Lufti Syed Hamzah (1994). "Peranan Guru Dalam Meningkatkan Mutu Pendidikan Bagi Mencapai Matlamat Wawasan." Dalam Yaakub Isa. *Guru Yang Efektif*. Pahang: Jawatankuasa Perayaan Hari Guru Peringkat Negeri Pahang.
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin (1993). *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wan Rahimah Wan Abd. Kadir (1995). " Pendidikan Masa Kini: Ke arah Melahirkan Generasi Berkualiti." *Jurnal Guru*. 7. 426-436.